

## PELAKSANAAN NOMBOR KAWALAN SKIM MAHTAS

### 1. Keperluan Pelaksanaan Nombor Kawalan Skim MAHTAS

Nombor kawalan adalah satu set kombinasi angka dan huruf yang diberi kepada peserta Skim MAHTAS apabila menjalankan setiap rawatan rawatan haba ke atas bahan pembungkus kayu, *wood packing material* (WPM). Pengeluaran nombor kawalan ini bertujuan untuk memantau setiap rawatan yang akan dijalankan oleh peserta MAHTAS. Melalui nombor kawalan tersebut, tarikh, bilangan rawatan yang telah dijalankan dan kuantiti yang dirawat oleh peserta MAHTAS dapat dikenalpasti.

### 2. Prosedur pengeluaran nombor kawalan

Jabatan Pertanian akan meluluskan nombor kawalan secara kuota dan berperingkat mengikut jumlah tertentu kepada pihak peserta Skim MAHTAS. Nombor kawalan ini akan dikawal sendiri penggunaannya oleh peserta Skim MAHTAS dan mereka juga bertanggungjawab untuk menyimpan rekod keseluruhan penggunaan nombor kawalan.

Prosedur pengeluaran nombor kawalan melibatkan proses tersebut:

- i. Permohonan nombor kawalan oleh peserta MAHTAS;
- ii. Urus setia menyemak permohonan dan status syarikat; dan
- iii. Urus setia memberi nombor kawalan kepada peserta Skim MAHTAS yang lulus.

#### 2.1 Permohonan


Peserta Skim MAHTAS hendaklah memohon nombor kawalan rawatan haba dari urus setia bagi tujuan menjalankan kerja - kerja rawatan haba yang akan dilakukan. Nombor kawalan akan dikeluarkan mengikut kuota kepada peserta Skim MAHTAS. Nombor kawalan perlu dipohon apabila nombor kawalan dalam simpanan peserta Skim MAHTAS berbaki 20 % daripada keseluruhan kuota. Permohonan semula kuota nombor kawalan hendaklah dibuat kepada urus setia skim menggunakan MAHTAS 3.

## 2.2 Semakan Permohonan

Urus setia akan menyemak permohonan nombor kawalan dan profail pemohon. Nombor kawalan tidak dikeluarkan jika MAHTAS 4 dan MAHTAS 6 tidak dihantar kepada urus setia/ Ketua Pejabat Bahagian Biosecuriti Tumbuhan Negeri atau peserta di dapat menyalahgunakan nombor kawalan atau peserta menerima notifikasi ketidakpatuhan dari negara luar. Semakan dan proses pengeluaran nombor kawalan mengambil masa **14 hari bekerja**.

## 2.3 Pengeluaran Nombor Kawalan

Nombor kawalan akan diberi kepada peserta Skim MAHTAS yang layak. Pengeluaran nombor kawalan kepada pihak syarikat adalah mengikut format yang telah ditetapkan seperti berikut :



## 3. Etika Penggunaan Nombor Kawalan


Peserta Skim MAHTAS adalah tidak dibenarkan sama sekali menggunakan nombor kawalan yang dikeluarkan kepada peserta Skim MAHTAS lain walaupun syarikat tersebut adalah cawangannya. Peserta perlu merekodkan penggunaan nombor kawalan bagi setiap pengeksport yang menggunakan perkhidmatannya.

## 4. Nombor Kawalan Pada WPM Yang Telah Dirawat

Peserta Skim MAHTAS dikehendaki menanda nombor kawalan rawatan haba yang dijalankan pada WPM yang telah dirawat menggunakan dakwat kekal berwarna gelap

(warna selain merah dan jingga). Nombor kawalan hendaklah dicatat diluar *marking* ISPM no. 15. Jika nombor kawalan berada di dalam logo marking ISPM 15, konsainan yang dieksport mungkin dikenakan tindakan rawatan semula, penahanan, musnah atau dibawa pulang.

Berikut adalah contoh *marking* yang perlu ditanda pada WPM yang telah dirawat:



NOMBOR KAWALAN

**Keterangan:**

- MY = Kod Negara (MY = Malaysia)
- 0000 = Nombor Akreditasi MAHTAS
- HT = Rawatan haba (*heat treatment*)
- B = Kod Negeri

Senarai Kod Negeri adalah seperti di dalam jadual di bawah:

Bil	Negeri	Kod Negeri
1	Perlis	R
2	Kedah	K
3	P.Pinang	P
4	Perak	A
5	Selangor	B
6	N.Sembilan	N
7	Melaka	M
8	Johor	J
9	Pahang	C
10	Terengganu	T
11	Kelantan	D
12	Kuala Lumpur	W
13	Sabah	SB
14	Sarawak	Q

***Jadual 1 : Senarai Kod Negeri***